



Ruj. Kami Bil. ( 9 ) dlm.P.T.ROM:2/02.A.018/2017

Tarikh: 10/8/2017

YP Olio Sdn. Bhd.  
No. 89A Jalan SS15/4C  
47500 Subang Jaya  
Selangor

Tuan/Puan,

**PEMBERITAHU PERMOHONAN TANAH YANG TELAH DILULUSKAN  
DAN NOTIS GENAP MASA HASIL TANAH DIBAYAR ( BORANG 5A)**

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju meluluskan permohonan tuan/puan untuk memiliki tanah seperti yang dinyatakan di bawah. Bersama-sama ini disertakan satu salinan Borang 5A Kanun Tanah Negara, Notis Genap Hasil Tanah Dibayar.
3. Tuan/Puan dikehendaki menjelaskan bayaran-bayaran berikut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penyampaian notis ini:-

Perkara	Harga(RM)
Jumlah Notis Borang 5A	21,849,910.00
Denda Premium	0.00
Pendaftaran Surat Hakmilik Sementara	40.00
Pelan	10.00
Notis	20.00
<b>Jumlah Yang Perlu Dibayar</b>	<b>21,849,980.00</b>

4. Kelulusan dan syarat-syarat pemberianmilik tanah adalah seperti berikut:-

**A) PERIHAL TANAH YANG DILULUSKAN:**

- a) Luas diluluskan - 8498.58 Hektar
- b) Kegunaan - Pertanian (Kelapa Sawit)

c)	Tempat	-	Bukit Batu Putih
d)	Mukim	-	Keratong
e)	Jenis Hakmilik	-	Pajakan Negeri
f)	Tempoh	-	99 Tahun

B. **SYARAT-SYARAT NYATA:**

**1010002** - Tanah ini hendaklah digunakan untuk tanaman Kelapa sawit sahaja.

C. **SEKATAN KEPENTINGAN:**


**0820001** - Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, digadai melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

5. Sila ambil perhatian bahawa bayaran kelulusan tersebut termasuk bayaran Notis 5A berjumlah **RM 21,849,980.00** boleh dibuat secara tunai atau Bank Draft atas nama **Pentadbir Tanah Rompin**. Keseluruhan bayaran yang dituntut hendaklah dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan surat ini. Kelulusan akan luput dengan sendirinya sekiranya gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(RUDY ROHAN BIN JOHAN @ GANESAN)**  
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)  
b.p PENTADBIR TANAH ROMPIN



DAFTAR NAMA

Jumlah petak yang disebutkan di Bill of Sale dit. ROM 2/02.A.018/2016 yang telah diluluskan oleh PTG / MMK berangka: 19.7.2017

D.P. PENGAKH TANA DAN ALIAN PAHANG



Seitangalia  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang.



DAERAH ROMPIN  
MUKIM HERATONG  
SYT : B & D 363, A & C 0364  
B & D 373, A, B, C & D 374  
SKALA : 1 : 115,000

TAJUK :

PERMOHONAN PENGHEBATAN TANAH KERAJAAN BERTENTANG BUKIT MALU PUTEH MUKIM KERATONG DAERAH ROMPIN

PETUDUK :

KAWASAN YANG DISTORAKAN  
P.T.ROM: 2/02.A.018/2016  
Y.P. OLIO SORLAND  
SELUAS : 6498.58 Ha  
( 21,000.00 ek )

DI SEJAKAN OLEH :

MOHID FAZLAN BIN OMAR  
PENOLONG PEGAWAI TANAH  
PEBABAT DAERAH DAN TANAH ROMPIN



Ruj.Kami: PTROM. 2/02.A.018/2017 Bil.(7)  
Ruj.Tuan:  
Tarikh : 9 Ogos 2017

YP Olio Sdn. Bhd.  
No. 89A Jalan SS 15/4C,  
Subang Jaya,  
47500 Selangor

YH.Dato'/Tuan,

**KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN PAHANG  
MENGENAI PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN  
DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN TANAH NEGARA DI BUKIT BATU  
PUTIH, MUKIM KERATONG, DAERAH ROMPIN UNTUK KEGUNAAN  
PERTANIAN (KELAPA SAWIT)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan ini telah diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Ke 20/2017 bertarikh 19.7.2017 dan telah membuat keputusan seperti berikut:-

**Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Di Bawah  
Seksyen 76 Kanun Tanah Negara**

Tujuan : Pertanian (Kelapa Sawit)  
Pemohon : YP Olio Sdn. Bhd.  
Luas : 8,498.58 Hektar (21,000 Ekar)  
Tempat : Bukit Batu Putih  
Mukim : Keratong  
Daerah : Rompin  
No.Fail : PTROM. 2/02.A.018/2017

Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang telah menimbang dan mengambil keputusan:-

- (a) Bersetuju meluluskan permohonan tersebut di atas seperti kawasan bertanda merah pada pelan.
- (b) Bersetuju kawasan Hutan Simpan Bukit Ibam seluas 8,498.58 hektar (21,000 ekar) hendaklah dikeluarkan mengikut Seksyen 11 Akta Perhutanan Negara 1984 dan digantikan kemudian dengan kawasan lain yang sama luasannya mengikut Seksyen 12 Akta Perhutanan Negara 1984, yang akan dikenal pasti oleh pemohon dan dipersetujui oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang.

**KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN PAHANG  
MENGENAI PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH  
KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN TANAH  
NEGARA DI BUKIT BATU PUTIH, MUKIM KERATONG,  
DAERAH ROMPIN UNTUK KEGUNAAN PERTANIAN (KELAPA  
SAWIT)**

- (c) **Bersetuju** mengenakan bayaran premium tanah mengikut KTP.21 pada kadar **RM1,000.00** (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja) seekar.
- (d) **Bersetuju** mengecualikan YP Olio Sdn. Bhd. dari Sekatan Kepentingan, manakala pembeli pertama dikecualikan dari Sekatan Kepentingan untuk menggadai sahaja.
- (e) **Bersetuju** tindakan pendaftaran hak milik baharu daripada YP Olio Sdn. Bhd. didaftarkan tanpa menunggu pembatalan Warta Hutan Simpan dan dikecualikan keperluan Sijil Pembesaran Hutan mengikut Arahan Pentadbiran Tanah Negeri (APTN 10/1999)
- (f) **Bersetuju** meluluskan pengeluaran kayu balak dan kayu jaras kepada YP Olio Sdn. Bhd. dengan dikenakan premium pembalakan sebanyak **RM1,000.00** (Satu Ribu Sahaja) seekar.
- (g) **Bersetuju** syarikat menyediakan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan Pelan Perancangan Pembangunan Ladang sebelum menjalankan projek ini.
- (h) **Bersetuju** mengenakan syarat-syarat yang akan ditentukan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' MOHD ZULKIFLI BIN HASHIM )  
PENTADBIR TANAH ROMPIN**

